



**KENYATAAN AKHBAR  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA  
Bagi Minggu 11 tahun 2014 ( 9–15 Mac 2014 )**

***Kematian Denggi Terus Meningkatkan***

Pada minggu lepas iaitu minggu ke 11 tahun 2014, sejumlah 1,902 kes demam denggi telah dilaporkan di seluruh negara berbanding dengan 1,630 kes yang dilaporkan pada minggu ke 10. Walau pun terdapat peningkatan kes pada minggu ini berbanding minggu lepas, namun pada keseluruhannya kes denggi mingguan yang dilaporkan menunjukkan tren penurunan iaitu kurang dari 2000 kes seminggu. Dari Januari sehingga 15 Mac 2014, keseluruhan kes demam denggi yang dilaporkan adalah 21,967 kes, peningkatan sebanyak 321% (16,746 kes) berbanding hanya 5,221 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2013.

Pada masa sama, jumlah kematian Denggi adalah tertinggi dicatatkan di mana sembilan (9) kematian dilaporkan dari seluruh negara. Kematian tersebut melibatkan enam (6) orang wanita berusia antara 25 hingga 54 tahun dan tiga (3) orang lelaki berusia 36 dan 62 tahun serta seorang pelajar sekolah berumur 15 tahun. Kes kematian yang berlaku adalah lima (5) di Selangor, dua (2) di Johor serta masing-masing satu (1) di Perak dan Kelantan. Kesemua kes telah disahkan meninggal dunia akibat komplikasi Demam Denggi. Bagi Januari hingga 15 Mac 2014 sebanyak 53 kematian telah dilaporkan berbanding dengan 14 kematian, meningkat sebanyak 279% (39 kematian). Kadar kematian pada tahun ini adalah 0.24%. Jenis virus serotaip DEN 2 yang mendominasi peratusan tertinggi (44%) di Malaysia berbanding serotaip yang lain pada masa ini, menjadi salah satu faktor peningkatan kes kematian denggi. Jangkitan virus serotaip DEN 2 akan memberikan manifestasi klinikal yang

lebih teruk dan mempunyai risiko komplikasi yang lebih tinggi berbanding jangkitan serotaip yang lain.

Pada tempoh yang sama, sejumlah 458 lokaliti wabak dilaporkan di 12 negeri dan daripada jumlah tersebut, 84 lokaliti adalah wabak melebihi sebulan iaitu hotspots. Tujuh puluh (70) hotspots adalah di negeri Selangor iaitu 32 hotspots di daerah Hulu Langat , 32 di daerah Petaling, 5 di daerah Gombak dan Klang satu (1) lokaliti hotspots. Manakala 9 lokaliti hotspots di daerah Seremban , Negeri Sembilan, tiga (3) lokaliti di Kelantan (daerah Kota Bharu) dan masing-masing satu (1) lokaliti di WP Kuala Lumpur & Putrajaya (Kepong) dan Melaka (daerah Melaka Tengah).

Pada masa cuaca yang tidak menentu antara hujan, panas dan jerebu, aktiviti pencegahan denggi masih boleh dilakukan oleh setiap pemilik premis dengan memastikan tiada pembiakan Aedes di persekitaran premis mereka. Pemeriksaan tempat pembiakan di rumah masing-masing masih boleh dilakukan oleh setiap individu setiap minggu. Disamping itu penggunaan areosol untuk membunuh nyamuk dewasa boleh digunakan di dalam rumah terutama pada waktu 5 hingga 7 pagi atau 5 hingga 7 petang ketika nyamuk Aedes sedang aktif. Masyarakat juga di sarankan menggunakan repellan bagi melindungi diri dari gigitan nyamuk. Maklumat mengenai denggi boleh didapati di laman facebook cprc kkm ([facebook.com/kkmcprc](https://www.facebook.com/kkmcprc)). Bagi memastikan kes denggi dapat dikurangkan usaha pencegahan perlu ditingkatkan oleh semua pihak dan jika masyarakat alpa untuk melakukannya, kes dan kematian denggi boleh meningkat semula. Oleh itu, pastikan aktiviti “cari dan musnah” tempat pembiakan Aedes dilakukan setiap minggu.

**YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**21 Mac 2014**

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 11/2014  
(9 hingga 15 Mac 2014)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah kes Denggi dari Januari sehingga 15 Mac 2014	Jumlah kes Denggi dari Januari sehingga 16 Mac 2013
		Minggu 11 (9 – 15 Mac 2014)	Minggu 10 (2 – 8 Mac 2014)		
1	Perlis	3	1	46	35
2	Kedah	7	6	170 (1)	158 (1)
3	P. Pinang	37	45	490 (3)	163
4	Perak	142 (1)	115	1,537 (4)	435
5	Selangor	1102 (5)	876 (3)	12,073 (21)	2,252 (1)
6	WPKL &Putrajaya	163	166	2,061 (3)	359 (3)
7	N. Sembilan	73	43	1,296 (1)	97
8	Melaka	49	48	753 (2)	110
9	Johor	97 (2)	113 (3)	1,378 (12)	468 (6)
10	Pahang	29	26	278	139
11	Terengganu	11	9 (1)	214 (1)	46
12	Kelantan	141 (1)	144	1,088 (4)	289
13	Sarawak	23	17 (1)	274 (1)	478 (2)
14	Sabah	25	21	304	192 (1)
15	WP Labuan	0	0	5	0
	Malaysia	1,902 (9)	1,630 (8)	21,967 (53)	5,221 (14)

Nota: ( ) Kematian

\* Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

## SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" SEHINGGA 15 MARCH 2014 (Mg 11)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	PJS 8 Mentari Court 1 (Blok A, B, C,D)	189	272
2	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat A (Blok 1-Blok 12 & Blok 38 - Blok 43)	221	251
3	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 Pangsapuri Subang Suria	44	165
4	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Teres B Zon C (Jalan 7/31 - 7/35)	172	163
5	SELANGOR	Petaling	Seksyen 8 Teres B2 (Jln 8/14 - Jln 8/28)	80	157
6	SELANGOR	Petaling	PJU 5 Seksyen 6	104	151
7	SELANGOR	Petaling	PJS 10 Taman Dato Hormat	35	135
8	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Pangsapuri Kristal	41	125
9	SELANGOR	Petaling	PJU 8 Apartment Flora Damansara 2 (Blok C, D, E, F)	29	112
10	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Puncak 3 Taman Puncak Saujana	27	111
11	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 7/5 Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	31	108
12	SELANGOR	Petaling	Taman Kinrara 3 ( Vista Lavender )	63	103
13	SELANGOR	Petaling	SS 2 (Selatan)	31	100
14	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 2 Bandar Rinching	35	99
15	SELANGOR	Petaling	SS 3	36	97
16	SELANGOR	Petaling	Bandar Kinrara 1	12	88
17	SELANGOR	Petaling	Taman Puchong Utama 7,(Court 1)	30	87
18	SELANGOR	Hulu Langat	Jlm 5/1-10 Taman West Country	16	82
19	SELANGOR	Petaling	PJU 1A Ara Damansara	20	76
20	SELANGOR	Petaling	PJU 9 SD 8	29	74
21	N. SEMBILAN	Seremban	Park Avenue	18	74
22	SELANGOR	Hulu Langat	Kolej Kemahiran Mara Beranang	20	72
23	SELANGOR	Petaling	PJS 2C Flat Taman Medan Cahaya	17	72

24	SELANGOR	Hulu Langat	Blok L20-L33A Pandan Jaya	16	71
25	SELANGOR	Hulu Langat	Lorong Aman Taman Kajang Utama	19	68
26	SELANGOR	Petaling	Bandar Kinrara BK 6F ( Apartment Enggang)	10	66
27	N. SEMBILAN	Seremban	Taman Desa Anggerik	11	64
28	SELANGOR	Hulu Langat	Jln 4/12 Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	19	63
29	SELANGOR	Hulu Langat	Jln Puncak Saujana 2 Taman Puncak Saujana	22	61
30	N. SEMBILAN	Seremban	Garden City Homes	12	60
31	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan TPS 2 Taman Pelangi semenyih	18	59
32	SELANGOR	Petaling	PJS 9 ( Teres 9/2 - PJS 9/30 )	12	59
33	SELANGOR	Petaling	USJ 1 Teres (Jln 1/20-1/28)	7	59
34	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Taman Prima Cempaka	14	58
35	SELANGOR	Hulu Langat	Blok L15-L19 Pandan Jaya	22	57
36	SELANGOR	Hulu Langat	KUIS	12	55
37	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 Subang Murni(Teres B)	9	54
38	SELANGOR	Petaling	Bandar Bukit Puchong BBP2	10	53
39	SELANGOR	Hulu Langat	BlokL34-L40 Pandan Jaya	9	52
40	N. SEMBILAN	Seremban	Taman Kemuning	11	52
41	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru 18	9	51
42	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Dayang 8,22,24,28,30-58/8 Bandar Mahkota Cheras	8	51
43	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Gembira	11	51
44	N. SEMBILAN	Seremban	Taman Rasah Jaya Fasa 2	9	51
45	SELANGOR	Hulu Langat	Jln Kesuma 7/1-7 Bandar Tasik Kesuma	20	49
46	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsaouri Cheras Utama	13	49
47	SELANGOR	Petaling	PJU 5 Seksyen 6 Gugusan Seroja	8	49
48	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat C (Blok 44 - Blok 51)	20	48
49	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Teres C Zon B (Jln 7/41 - 7/51)	8	48
50	SELANGOR	Petaling	PJU 1 Kg Cempaka	9	48
51	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Taman Perkasa Hulu Langat	16	47
52	N. SEMBILAN	Seremban	Taman Mantau Indah 1	8	47
53	SELANGOR	Gombak	OC 8	8	46

54	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan BM 11-27 Taman Bukit Mewah	12	46
55	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Minang Ria Taman Minang Ria	14	46
56	SELANGOR	Gombak	Bandar Country Homes Fasa 4 Zon 4	14	45
57	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 3/6 Seksyen 3 Bandar Baru Bangi	9	44
58	N. SEMBILAN	Seremban	Taman Dusun Setia	7	43
59	N. SEMBILAN	Seremban	Garden Avenue	11	42
60	N. SEMBILAN	Seremban	Vision Homes	20	42
61	SELANGOR	Gombak	Bandar Country Homes Fasa 1 Zon 2	7	40
62	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Wawasan 2/1-2/8,2/10&2/12 Bandar Baru Ampang	6	40
63	SELANGOR	Hulu Langat	Blok 1-7 Seksyen 1 Bandar Baru Bangi	11	39
64	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Taman Sri Tanjung	6	39
65	SELANGOR	Petaling	Bandar Puchong Jaya (Sri Cempaka)	8	39
66	SELANGOR	Klang	Bandar Botanik (Pangsapuri Palma)	10	38
67	KELANTAN	Kota Bharu	Telok Baru	6	38
68	SELANGOR	Petaling	Bandar Sunway (Palm Ville Condo)	4	37
69	SELANGOR	Gombak	Rumah Kedai Bt Caves Centre Point	6	37
70	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Prima Saujana 2 Taman Prima Saujana	6	36
71	KELANTAN	Kota Bharu	Sri Kedeper	7	36
72	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Indah 1-11 Taman Cheras Indah	7	35
73	SELANGOR	Hulu Langat	Kem PGA Batu 7 Cheras	8	35
74	SELANGOR	Petaling	SS 25	4	35
75	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Kesuma 7/8-16 Bandar Tasik Kesuma	11	34
76	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Vista Bandar Sri Putra	4	34
77	SELANGOR	Petaling	Seksyen 11 Teres D	6	33
78	SELANGOR	Petaling	PJS 2D Taman Medan	5	33
79	SELANGOR	Petaling	SS 14/5	6	33
80	WPKL	Kepong	Taman Tasik Indah (Jalan Tasik Indah 1-7)	19	33
81	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Mutiara Taman Sri Nanding	6	32
82	MELAKA	Melaka Tengah	Taman Kerjasama	7	32

83	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Tenaga	8	31
84	KELANTAN	Kota Bharu	Wakaf Sri Paduka	9	31